

## **PENCALONAN HADIAH *MACJANNET* OLEH *THE TALLOIRES NETWORK* BAGI KECEMERLANGAN PROGRAM KETERLIBATAN UNIVERSITI-KOMUNITI**

Sukacita dimaklumkan *The Talloires Network* telah membuka pencalonan bagi Hadiah *MacJannet* untuk tahun 2012. Hadiah ini adalah merupakan pengiktirafan kepada kecemerlangan inisiatif keterlibatan sivik untuk ahli-ahli *The Talloires Network* di seluruh dunia, dan pemenang akan menerima pembiayaan kewangan bagi inisiatif keterlibatan tersebut.

*The Talloires Network*, dengan keahlian 230 universiti dari 62 universiti seluruh dunia, telah ditubuhkan pada tahun 2005 dengan fokus kepada komitmen aktif institusi pengajian tinggi terhadap keterlibatan komuniti. Deklarasi *Talloires*, yang ditandatangani oleh pimpinan universiti anggota menyatakan bahawa universiti “perlu menggunakan proses pendidikan dan penyelidikan untuk bertindak balas, memberi khidmat dan memperkasa masyarakat setempat mahupun global.”

Untuk makluman Y.Bhg. Prof./Dato’/Tuan/Puan, UKM telah menjadi ahli *The Talloires Network* sejak tahun 2008, dan baru-baru ini Y.Bhg. Tan Sri Naib Canselor UKM telah dilantik sebagai Ahli Jawatan Kuasa Pemandu *The Talloires Network*. UKM juga adalah merupakan Sekretriari kepada jaringan keterlibatan *The Talloires Network* di rantau Asia iaitu *Asia-Talloires Network of Industry and Community Engaged Universities* (ATNEU).

Hadiah *MacJannet* ini adalah sebagai lanjutan kepada misi *The Talloires Network* dalam memperkasa kebertanggungjawaban sosial dan peranan sivik di institusi-institusi pengajian tinggi. Projek yang berjaya akan diberikan hadiah wang tunai untuk membiayai kelangsungan serta mengukuhkan impak projek tersebut. Untuk tahun 2012, ganjaran yang menanti pemenang adalah seperti berikut:

**Tempat Pertama: USD7,500**

**Tempat Kedua: USD5,000**

**Tempat Ketiga: USD2,500**

Bersama-sama ini disertakan borang pencalonan bagi Hadiah *MacJannet* 2012. **Pencalonan adalah terbuka kepada mana-mana program atau projek keterlibatan yang sesuai mengikut kriteria yang ditetapkan, sama ada dijalankan oleh kakitangan akademik,**

**pentadbiran dan pengurusan ataupun pelajar.** Kriteria bagi projek atau program yang ingin dicalonkan boleh dirujuk pada borang pencalonan tersebut.

Sehubungan itu mohon kerjasama daripada Y.Bhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan untuk menyebarkan maklumat ini kepada seluruh warga Fakulti/Institut/Pusat masing-masing. Pencalonan hendaklah dikemukakan kepada **Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), Aras 6, Bangunan Canselori, 43600 UKM Bangi** atau e-mel kepada [tnchejim@ukm.my](mailto:tnchejim@ukm.my) sebelum **1 Februari 2012 (Rabu)**.